



**Manuscript Title:** Peranan Dan Sokongan Sosial Kumpulan Sokongan Kepada Mualaf Iban Dan Bidayuh: Kajian Kes Baitul Ilmi, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

**Authors:** Siti Haslina Hussin, Noor'ain Aini and Faizah Mas'ud

**Accepted Date:** 25-February-2024

**Please cite this article as:** Siti Haslina Hussin, Noor'ain Aini and Faizah Mas'ud. Peranan dan sokongan sosial kumpulan sokongan kepada mualaf Iban dan Bidayuh: Kajian kes Baitul Ilmi, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

**PERANAN DAN SOKONGAN SOSIAL KUMPULAN SOKONGAN  
KEPADA MUALAF IBAN DAN BIDAYUH: KAJIAN KES BAITUL ILMI,  
KOTA SAMARAHAN, SARAWAK, MALAYSIA**

***ROLES AND SOCIAL SUPPORT OF SUPPORT GROUPS TOWARDS THE  
IBAN AND BIDAYUH MUSLIM CONVERTS: A CASE STUDY OF BAITUL  
ILMI, KOTA SAMARAHAN, SARAWAK, MALAYSIA***

**Siti Haslina Hussin<sup>1\*</sup>, Noor'ain Aini<sup>2</sup>, Faizah Mas'ud<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

\*Corresponding author: [hhaslina@unimas.my](mailto:hhaslina@unimas.my)

**ABSTRACT**

*This article aims to examine the extent of social support rendered by an independent social support group, Baitul Ilmi, to the Iban and Bidayuh muslim converts in Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia. A total of 17 respondents comprised 15 muslim converts of Iban and Bidayuh ethnicities, the founder, and an administrator of Baitul Ilmi, were interviewed. The thematic analysis reveals that Baitul Ilmi plays three main roles namely as a mediator, platform for da'awah, and bonding agent. Besides that, Baitul Ilmi also offers social supports such as organizing religious classes, social and leisure activities, providing financial and welfare assistance, as well as self-esteem empowerment, and emotional support. The findings of this study prove the effectiveness of Baitul Ilmi as a support group that assists the roles of government agencies such Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) and other organizations in providing social support to the muslim converts in Kota Samarahan.*

**Keywords:** Muslim converts, saudara kita, Malaysia, social support, Dayak

## ABSTRAK

*Artikel ini meneliti sokongan sosial yang dihulurkan oleh Baitul Ilmi kepada saudara kita berketurunan Iban dan Bidayuh di Kota Samarahan, Sarawak. Seramai 17 individu terdiri daripada pengasas, pengurus Baitul Ilmi dan 15 saudara kita telah ditemubual. Analisis tematik merumuskan bahawa Baitul Ilmi memainkan tiga (3) peranan penting iaitu sebagai perantara, wadah dakwah dan ejen ukhwh. Selain itu, Baitul Ilmi turut memberi sokongan sosial seperti bimbingan agama, penganjuran aktiviti sosial dan riadah, bantuan kewangan dan kebajikan, pemerkasaan jati diri, dan pemantapan emosi. Penemuan kajian memperlihatkan keberkesanan Baitul Ilmi sebagai kumpulan sokongan yang mendukung peranan agensi kerajaan seperti Jabatan Agama Islam Sarawak dan badan-badan dakwah lain dalam memberikan sokongan sosial kepada saudara kita di sekitar Kota Samarahan.*

**Kata kunci:** mualaf, saudara kita, Malaysia, sokongan sosial, Dayak

## PENDAHULUAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendefinisi mualaf sebagai orang yang baru memeluk Islam sama ada imannya dhaif ataupun imannya sudah kuat dan orang bukan Islam yang cenderung dan boleh dijinakkan hatinya kepada Islam (JAKIM, 2010). Menurut kamus Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-'Asasiyy (1989), perkataan mualaf berasal daripada kalimah alafa-ya'lifu-mualafatan yang bermaksud jinak, dia menjinakkan dan yang dijinakkan. Ini membawa kepada pengertian iaitu mereka yang dijinakkan hati untuk menerima Islam dan telah melafazkan dua kalimah syahadah. Statistik menunjukkan peningkatan kadar pemeluk agama Islam seramai 76, 663 antara tahun 2002 sehingga 2009 (Azman et al. 2015). Manakala rekod JAKIM daripada tahun 2000 sehingga 2012 adalah seramai 106,747 (JAKIM, 2010). Peningkatan bilangan mualaf menuntut lebih perhatian daripada pelbagai pihak. Agensi kerajaan dengan bantuan badan bukan kerajaan (NGO) Islam berperanan mengatur aktiviti dan program berkala untuk menyokong mualaf menghayati ajaran Islam. Kegagalan merancang dan menyusun aktiviti mahupun program kendalian pihak NGO dan kerajaan boleh mengakibatkan ketirisan dakwah sekali gus meningkatkan bilangan saudara kita terabai, ingin murtad atau meninggalkan amalan dan cara hidup Islam seluruhnya (James Laeng dan Yusman Nawazir 2014; Razaleigh Muhamat @Kawangit dan

Marlon Pontino Guleng 2014; Kamarulzaman Kawi dan Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah 2020). Umumnya, peranan institusi kerajaan adalah sangat signifikan untuk mengurus tadbir hal ehwal mualaf. Menurut Siti Adibah Abu Bakar dan Siti Zubaidah Ismail (2018), di setiap negeri, institusi agama yang berautoriti dalam menguruskan hal ehwal mualaf ialah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Di Sarawak, Unit Kemajuan Saudara Kita (UKSK) di Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) bertanggungjawab ke atas urusan pertukaran agama golongan bukan Islam kepada Islam. Peranan utama dalam menguruskan mualaf di peringkat negeri boleh diklasifikasikan kepada tujuh aspek iaitu perundangan dan polisi, pengislaman dan pendaftaran, pendidikan, kewangan dan kebajikan, ziarah saudara baru, kaunseling, dan akhir sekali pengurusan selepas kematian mualaf (Siti Adibah Abu Bakar dan Siti Zubaidah Ismail 2018).

Selain kerajaan, terdapat beberapa *NGO* Islam yang aktif menjalankan fungsi dakwah kepada golongan mualaf di Sarawak seperti Pertubuhan HIKMAH, Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Persatuan Dayak Muslim Kebangsaan (PDMK). Usaha menjalankan dakwah dan pelaksanaan Islah juga dibantu oleh individu perseorangan yang mewujudkan pusat sokongan persendirian.

Di Sarawak, mualaf secara khususnya digelar sebagai saudara kita untuk menunjukkan dekatnya golongan ini dengan masyarakat Islam sedia ada. Data menunjukkan sepanjang tahun 2020, sejumlah 1334 individu direkodkan telah memeluk Islam di Sarawak. Kajian Kamarulzaman Kawi dan Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah (2020) melaporkan sebahagian besar saudara kita adalah beragama Kristian sebelum memeluk Islam selain mereka yang menganuti ajaran Pagan, Buddha, Hindu dan lain-lain agama. Manakala etnik terbesar yang memeluk Islam pula ialah kaum Iban, Bidayuh dan Cina. Kajian yang sama merumuskan bahawa kaum wanita melebihi kaum lelaki dalam membuat keputusan menukar agama ke Islam. Sumber daripada JAIS pada tahun 2021 melaporkan antara faktor yang mempengaruhi pengislaman saudara kita ialah hidayah Allah, rela hati dan perkahwinan, serta mengikut ibu bapa.

## **CABARAN SAUDARA KITA**

Seperti mualaf lain di seluruh negara, saudara kita di Sarawak turut berhadapan dengan cabaran selepas memeluk Islam. Menurut Noreha Che Abah et al. (2019), antara cabaran yang dihadapi oleh mualaf ialah masalah kewangan, psikologi dan

pertembungan budaya serta tradisi. Kamarulzaman Kawi dan Nur A'Thiroh Tan Abdullah (2020) menambah antara cabaran lain yang dihadapi oleh saudara kita termasuklah tekanan daripada keluarga, persepsi dan penerimaan masyarakat, rasa terasing dan rendah diri. Masalah dalam perkahwinan dan perceraian juga menjadi satu cabaran kepada mualaf (Syarul Azman Shaharuddin et al. 2019). Kajian Sayyid Buhar Musal Kassim et al. (2013) mengenal pasti fasa-fasa yang dihadapi oleh mualaf dan mendapati bahawa selepas pengislaman, mualaf berhadapan cabaran fasa keterujaan, semangat empati, fanatik, kekecewaan, dan pemulihan semangat. Ini bermaksud mualaf melalui fasa tersebut sama ada dengan mudah mahu pun penuh dengan dugaan. Ini bergantung kepada kesediaan dan keterbukaan mualaf menerima Islam sebagai agama baharu. Kajian Siti Aishah Yahya et al. (2021) membuktikan mualaf menghadapi cabaran psikologi mengharungi fasa selepas pengislaman kerana kebanyakan mereka tiada penghayatan kepada agama Islam dan tidak melaksanakan ajaran Islam seperti yang dituntut.

Saudara kita yang berlainan latar belakang kehidupan dan berhadapan dengan pelbagai cabaran memerlukan pendekatan yang berbeza dalam proses bimbingan, pendidikan, kebajikan dan sokongan daripada pihak berkuasa. Pelbagai pihak seperti JAIS, PERKIM, HIKMAH dan lain-lain *NGO* sentiasa memberi sokongan termasuk sokongan sosial yang diperlukan kepada golongan saudara kita di Sarawak (Nur Aisyah et al. 2019).

## **SOKONGAN SOSIAL KEPADA SAUDARA KITA**

Sokongan sosial bermaksud pengalaman yang berkaitan penghargaan, perhatian dan kasih sayang (Gurung 2006) yang menyumbang kepada perkembangan positif dalam kalangan individu. Dalam konteks fungsi, sokongan sosial dilihat sebagai satu proses hubungan sosial yang terbina memberi manfaat kepada kesihatan fizikal dan mental yang sihat (Cohen et al. 2000). Selain itu, sokongan sosial juga mampu memberi peningkatan penghargaan sendiri, nilai dan keyakinan diri serta kesejahteraan dalam hidup (Nestmeann, F. dan Hurrelmann, K. 1994).

Menurut Thoits (1995), sokongan sosial didefinisikan sebagai bantuan yang diterima daripada ahli keluarga, kawan dan orang luar dalam bentuk sokongan emosi, instrumental dan maklumat tambahan. Selain itu, sokongan sosial ditakrifkan sebagai hubungan interpersonal dan sokongan yang diberikan oleh sesebuah institusi sosial yang dapat mempengaruhi kesejahteraan individu Costello et al. 2001. Antara sokongan sosial yang diberikan termasuk dorongan dan nasihat, penzahiran perasaan kasih sayang, empati, dan bantuan kebendaan yang dihulurkan (Thoits, P.A. 2011). Manakala jenis sokongan sosial yang sering

dirujuk ialah sokongan emosi, bantuan instrumental, sokongan maklumat, sokongan pergaulan dan sokongan penilaian sendiri. Menurut Richard et al. (2022), sokongan sosial dari rakan, ahli keluarga dan pihak lain sangat penting demi kesejahteraan hidup.

Beberapa kajian di Malaysia menjelaskan terdapat beberapa jenis sokongan sosial yang disalurkan kepada golongan saudara kita, antaranya ialah sokongan daripada masyarakat (Noreha Che Abah et al. 2019), penghargaan sendiri (Nazri Yasin et al. 2018), bantuan kewangan dan kebajikan (Mariam Abdul Majid 2011), peluang pekerjaan baharu (Nur Najwa Hanani et al. 2016), pendidikan dan bimbingan agama (Roslieza Rosli dan Nur A'thiroh Masyaa'il Abdullah @ Tan Ai Pao 2015), nasihat kaunseling (Marlon Guleng et al. 2014), dan pendekatan emosi (Nur Najwa Hanani et al. 2020).

### **BAITUL ILMU SEBAGAI KUMPULAN SOKONGAN**

Di Kota Samarahan, Sarawak, Baitul Ilmi dikenali sebagai kumpulan sokongan yang membantu golongan saudara kita terutama mereka yang berbangsa Iban dan Bidayuh. Baitul Ilmi mula beroperasi pada tahun 2018 atas ikhtiar seorang wanita yang sebelum ini menguruskan Baitul Ihtimam, sebuah pusat perlindungan saudara kita di sebuah kediaman persendirian di Taman Samarindah, Kota Samarahan, Sarawak. Kejayaan Baitul Ihtimam memberi inspirasi kepada beliau untuk mewujudkan Baitul Ilmi di premis lain yang lebih luas bagi menampung pelbagai aktiviti saudara kita. Kini, Baitul Ihtimam kekal berfungsi sebagai pusat perlindungan bagi saudara kita manakala Baitul Ilmi pula berperanan sebagai pusat sokongan kepada saudara kita dan masyarakat sekeliling. Kedua-dua institusi yang saling melengkapi dalam membantu saudara kita ini diperakukan oleh JAIS walaupun tanpa pendaftaran rasmi dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Hal ini sedemikian kerana kedua-dua pengasas merupakan individu yang dilantik oleh JAIS sebagai panel dalam jawatankuasa pengurusan saudara kita di peringkat wilayah. Perlu ditegaskan bahawa Baitul Ilmi bukanlah satu badan bukan kerajaan (*NGO*), sebaliknya satu kumpulan individu yang bergabung dan bergerak untuk menyampaikan sokongan sosial kepada masyarakat sekeliling. Pengurusan Baitul Ilmi yang berstruktur diketuai oleh pengasasnya yang juga pengerusi kumpulan tersebut. Beliau dibantu oleh timbalan pengerusi merangkap bendahari. 10 orang individu yang terdiri dari saudara kita dan siswa siswi dilantik menjadi penggerak kepada aktiviti-aktiviti yang dirancang. Apabila aktiviti dijalankan, hampir 40 sukarelawan yang kebanyakan mereka terdiri dari siswa, saudara kita dan masyarakat setempat menghulurkan khidmat. Mereka komited menjalankan aktiviti bersama dan sentiasa mendapat sokongan

sukarelawan lain. Walaupun tidak berdaftar, setiap aktiviti dan sumbangan kewangan dan barangan yang diterima sentiasa direkod dan terbuka untuk disemak oleh penyumbang.

Hasil kajian Roziah Chek dan Jaffary Awang (2017) menunjukkan sokongan sosial membantu saudara kita dalam menangani masalah dan cabaran yang dihadapi serta dapat meningkatkan kehidupan mereka dalam beragama. Namun begitu, kajian yang meneliti peranan sesebuah organisasi khususnya *NGO* yang menawarkan sokongan sosial yang diperlukan khususnya dalam konteks muafak masih lagi terbatas. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh Baitul Ilmi dan bentuk sokongan sosial yang diberi kepada saudara kita, khususnya di sekitar Kota Samarahan. Sebagai satu-satunya kumpulan sokongan yang memainkan peranan membantu saudara kita, kewujudan Baitul Ilmi dilihat akan kekal kukuh kerana kegiatan yang dijalankan berdasarkan keperluan saudara kita. Justeru, isu kumpulan ini berkubur tidak timbul kerana setiap aktiviti berjalan setiap masa bagi memenuhi keperluan, bukan berdasarkan aktiviti berjadual dan berskala. Penemuan kajian ini boleh dijadikan rujukan dan asas perbincangan oleh pelbagai pihak berkaitan seperti JAIS, UKSK untuk melaksanakan strategi dan intervensi yang efisien. Ini bagi membolehkan saudara kita menjalani kehidupan yang sejahtera serta berpegang teguh dan istiqomah dengan agama Islam.

Persoalannya yang ingin dikupas ialah peranan yang dijalankan oleh Baitul Ilmi sebagai kumpulan sokongan saudara kita di Kota Samarahan. Di samping menghuraikan bentuk sokongan sosial yang dihulurkan kepada mereka.

Oleh itu, artikel ini menganalisis peranan Baitul Ilmi dan sokongan sosial yang dihulurkan kepada saudara kita. Melalui penelitian, peranan utama dan sokongan sosial bersifat fizikal dan emosional dapat dikenal pasti. Justeru, suatu kesimpulan dan saranan penambahbaikan dapat dicadangkan.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif khususnya kaedah temubual secara mendalam. Temu bual dijalankan berdasarkan protokol soalan yang mengkhusus kepada persoalan utama: Apakah matlamat penubuhan Baitul Ilmi? Bagaimanakah Baitul Ilmi mendekati golongan saudara kita di Kota Samarahan? Apakah jenis sokongan sosial yang dihulurkan kepada saudara kita? Semakan keabsahan dan kesesuaian soalan dilakukan oleh Dr Wan Ariffin Wan Yon, pensyarah Insititut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) merangkap penasihat JAIS dalam pengurusan hal ehwal saudara kita, dan tinjauan awal dilakukan ke atas dua orang saudara kita pada Mac 2021 (Puan Nurul Masni Abdullah dan Puan Nur Hidayah Mohamad).

**Sampel dan Analisis**

Temu bual kajian ini melibatkan dua kumpulan responden terdiri daripada seorang pengasas dan seorang pengurus Baitul Ilmi serta 15 saudara kita yang aktif. Temu bual dijalankan dalam tempoh 3 bulan bertujuan memperoleh maklumat secara telus dan terperinci daripada pengalaman tentang sokongan yang diterima oleh saudara kita. Pemilihan responden adalah berdasarkan pendekatan persampelan bertujuan melibatkan saudara kita yang disasarkan dan sudi serta sedia untuk ditemu bual. Temu bual dijalankan sama ada secara bersemuka di kediaman peserta sendiri, lokasi yang ditetapkan penyelidik, dan secara atas talian berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat kes COVID-19 yang meningkat. Isu etika telah diambil kira kerana kelulusan kajian ini berdasarkan perbincangan di peringkat universiti yang turut dianggotai oleh Jawatan kuasa etika penyelidikan. Jadual 1 dan 2 merumuskan profil kesemua responden yang telah ditemu bual. Maklumat nama saudara kita tidak dinyatakan bagi menjamin kerahsiaan identiti responden seperti yang dipersetujui di dalam borang persetujuan responden sebelum temu bual dijalankan.

Jadual 1: Profil sukarelawan Baitul Ilmi yang ditemu bual

Responden	Jawatan
1	Pengasas dan pengerusi Baitul Ilmi (Puan Adilah Ismail)
2	Timbalan pengerusi dan Bendahari Baitul Ilmi sejak 2018 (Puan Nor Basirah Suhaimi)

Responden	Umur	Etnik	Status perkahwinan	Tahun memeluk Islam
3	55	Iban	Berkahwin	2000
4	46	Iban	Berkahwin	2000
5	55	Iban	Berkahwin	2004
6	70	Iban	Balu	1991
7	29	Iban	Berceraai	2010
8	26	Bidayuh	Sedang menuntut perceraian sivil	2020
9	60	Iban	Balu	1980
10	30	Iban	Berkahwin	2007
11	33	Iban	Berkahwin	2010
12	40	Iban	Berkahwin	2001
13	33	Bidayuh	Berkahwin	2007
14	54	Iban	Berkahwin	1989
15	47	Bidayuh	Berkahwin	2013



16	35	Bidayuh	Berkahwin	2016
17	42	Iban	Berkahwin	2015

Jadual 2: Profil saudara kita yang ditemu bual

Secara umumnya, sesi temu bual dengan responden turut dikendalikan dalam dialek Melayu Sarawak supaya mudah difahami oleh mereka. Temu bual yang dijalankan dipandu oleh objektif kajian, namun maklumat yang dikongsi oleh peserta dianalisis secara mendalam bagi memahami intipati yang dibincangkan. Setiap temu bual mendalam yang dijalankan mengambil masa selama lebih kurang 60 minit dan dirakam (audio) dengan kebenaran responden. Seterusnya, maklumat yang diterima ditranskrip secara verbatim dan dianalisis menerusi pendekatan tematik. Analisis tematik (Terry et al. 2017) melibatkan bacaan secara berkaedah terhadap transkrip verbatim dan mengasing serta mengkod teks transkrip kepada kategori mengikut isi perbincangan responden yang menonjol. Seterusnya data pengkodan dinilai dan diinterpretasi untuk mendapat kombinasi data yang mencerminkan tema-tema tertentu. Analisis tematik digunakan untuk meneliti hubungan antara tema-tema dan memastikannya selari dengan gambaran tujuan kajian dijalankan.


## DAPATAN KAJIAN

### Peranan Baitul Ilmi

Objektif pertama kajian adalah untuk mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh Baitul Ilmi. Kewujudan Baitul Ilmi yang diasaskan oleh individu perseorangan berperanan sebagai kumpulan sokongan kepada masyarakat setempat terutama saudara kita daripada kaum Iban dan Bidayuh. Penubuhan Baitul Ilmi bersifat *freelance* yakni tidak terikat dengan piagam berpersatuan. Kumpulan sokongan saudara kita ini mudah bergerak dan bebas melakukan aktiviti bersama-sama ahli. Ini jelas dinyatakan melalui hasil temu bual berikut:

“Kami lebih suka bebas tanpa terikat dengan syarat atau peraturan persatuan. Sebab tu kami tak daftar dengan ROS”. (Responden 4)

“Saya sangat *enjoy* join aktiviti Baitul Ilmi. Kami tidak perlu buat mesyuarat atau laporan. Bagus juga sebab kita semua sama rata. Tak ada jawatan. Bila ada aktiviti, kita bincang dan *ON*”. (Responden 3)



Rajah 1: Peranan Baitul Ilmi  
Sumber: Hasil analisis dan olahan penyelidik

Peranan paling penting Baitul Ilmi adalah menjadi perantara antara saudara kita dan pihak berkuasa agama dalam urusan seperti proses pengislaman, perkahwinan dan perceraian. Walaupun pihak berkuasa sentiasa prihatin dengan saudara kita, terdapat segelintir daripada saudara kita yang kurang berusaha untuk berurusan dengan pihak berkuasa akibat faktor jarak fizikal, malu kerana tidak tahu, atau tidak selesa dengan pegawai. Oleh itu, pengurusan Baitul Ilmi bersedia untuk menjadi perantara dan sentiasa merujuk kepada pihak yang bertanggungjawab, yakni JAIS dan UKSK, berkaitan proses-proses ini bagi memastikan keputusan yang diambil adalah tepat dan prosedur yang dilakukan adalah betul. Contohnya, dalam proses pengislaman saudara kita, pengasas Baitul Ilmi akan membawa saudara kita berjumpa pegawai di UKSK untuk tujuan pendaftaran rasmi dan rekod. Sebagai kumpulan sokongan, pandangan dan penjelasan daripada pihak berkuasa agama amat penting dalam pelaksanaan aktiviti bagi mengelakkan kekhilafan dan kekeliruan dalam kalangan saudara kita. Hasil temu bual bersama responden 1 dan 2 dijelaskan seperti berikut:

“Baitul Ilmi memang selalu merujuk kepada JAIS. Kalau nak *register* atau mudahkan hal nak masuk Islam, saya *contact* sidak (mereka)”. (Puan Adilah Ismail)

“Kita selalu *contact* JAIS sebab hal-hal agama ni kita tak boleh buat keputusan sendiri”. (Responden 2)

Selain sentiasa berhubung dengan JAIS dan UKSK berkaitan hal-hal keagamaan, Baitul Ilmi turut menjadi perantara dengan Jabatan Pendaftaran dan Jabatan Pendidikan. Misalnya, Baitul Ilmi pernah membantu saudara kita yang berhadapan dengan isu pendaftaran anak-anak sehingga mereka sah didaftarkan di sisi undang-undang. Sebagai perantara dengan Jabatan pendidikan, Baitul Ilmi membantu anak-anak saudara kita yang keciciran persekolahan akibat masalah keluarga.

Peranan Baitul Ilmi seterusnya adalah menjadi wadah dakwah. Wadah dakwah merujuk kepada aktiviti-aktiviti penyebaran ilmu dan pemahaman asas mengenai

agama Islam. Ini dicapai melalui aktiviti-aktiviti ilmu seperti kelas-kelas fardhu ain dan kelas Iqra yang dijalankan sekurang-kurangnya seminggu sekali. Kelas fardhu ain dikendalikan oleh ustaz-ustaz berpengalaman yang menyumbangkan khidmat mereka kepada Baitul Ilmi secara sukarela, manakala kelas Iqra dikendalikan oleh pengurus Baitul Ilmi, dan sukarelawan yang terdiri daripada pelajar (IPTA) berhampiran. Kehadiran saudara kita ke kelas-kelas ini adalah secara sukarela. Pengisian kelas-kelas sebegini mampu memberi kefahaman asas kepada saudara kita tentang tiang utama Islam seperti aspek akidah, rukun Islam dan rukun Iman. Perkara ini dijelaskan oleh peserta seperti berikut:

“Mereka ni suka kalau ada kelas. Ustaz yang beri ceramah pun kita jemput berkongsi ilmu dengan mereka. Biar mereka belajar dan faham Islam”. (Responden 2)

Peranan Baitul Ilmi seterusnya diistilahkan sebagai ejen ukhuwah. Peranan sebagai ejen ukhuwah adalah untuk merapatkan hubungan dan ukhuwah antara saudara kita melalui penganjuran pelbagai program yang mampu memupuk rasa keselesaan, keakraban dan persaudaraan sesama ahli. Antara program yang dilakukan adalah aktiviti riadah seperti mendaki gunung, berkelah, aktiviti kebajikan seperti mengagihkan bantuan bekalan makanan dan bantuan pakaian, dan aktiviti berkaitan perayaan seperti penyembelihan dan pengagihan binatang korban, membakar lemang, memasak rendang dan ketupat serta banyak lagi.

“Nang best (memang seronok) *join* Baitul Ilmi. Kita jumpa kawan baru bah. Polah (buat) aktiviti sama-sama”. (Responden 6)

Baitul Ilmi mendekati saudara kita secara berhemah berasaskan konsep berkawan dahulu dan tidak memaksa. Ini dilakukan untuk melembut dan menenangkan hati saudara kita agar terbuka untuk menghampiri dan mendalami Islam secara sukarela tanpa paksaan daripada sesiapa. Kaedah ini dipercayai lebih berkesan kerana keinginan yang terbit daripada hati sendiri untuk belajar atau terlibat dengan aktiviti Baitul Ilmi adalah lebih bermakna dan menyebabkan saudara kita lebih istiqamah dalam amalannya. Baitul Ilmi sentiasa memberi sokongan sosial kepada saudara kita tanpa mengira latar belakang seperti bangsa, jantina dan taraf perkahwinan mahupun faktor sosio-ekonomi seperti pendapatan, tahap pendidikan, pekerjaan, dan sebagainya. Hasil temu bual membuktikan Baitul Ilmi tidak memaksa seperti yang dikongsikan oleh responden berikut:


“Kita tak paksa saudara kita untuk *join* aktiviti. Kalau mereka dapat *join*, kita raikan. Kalau tak dapat, kita akan *follow up*. Tanya kalau mereka ada masalah”. (Puan Adilah Ismail)

“Mun kamek dapat ikut, kamek ikut jak. Mun sik dapat, sekda sidak paksa. Ok jak sidak”. (Responden 4)

Terjemahan: “Jika saya dapat menyertai, saya akan sertai. Jika tidak, mereka tidak memaksa. Mereka baik sahaja”. (Responden 4)

### Sokongan Sosial Yang Dihulurkan Oleh Baitul Ilmi

Seterusnya objektif kedua kajian adalah menganalisis sokongan sosial yang ditawarkan oleh Baitul Ilmi. Temu bual mendalam bersama-sama saudara kita yang aktif mengikuti aktiviti di Baitul Ilmi mendapati bahawa Baitul Ilmi memberi pelbagai bentuk sokongan sosial kepada mereka dan masyarakat sekitar. Setiap sokongan sosial yang diberi sedikit sebanyak meringankan cabaran yang dihadapi oleh saudara kita. Antara sokongan sosial yang diterima oleh saudara kita adalah dalam bentuk bantuan kewangan dan kebajikan, bimbingan agama, sokongan penghargaan diri, sokongan fizikal dan sokongan emosi.



Rajah 2: Sokongan sosial dari Baitul Ilmi  
Sumber: Hasil analisis dan olahan penyelidikan

### Bimbingan agama

Bukan mudah bagi seseorang saudara kita menjalani proses perubahan atau penyesuaian diri setelah memeluk Islam. Cabaran semakin hebat apabila mereka tidak menerima sokongan daripada ahli keluarga terdekat, sehingga ada yang pada awalnya terpaksa menyembunyikan status agama baharu mereka daripada pengetahuan keluarga. Keadaan ini menyebabkan mereka sukar untuk mendapat peluang mengikuti kelas agama, atau mempraktikkan ajaran Islam kerana khuatir

dengan penerimaan ahli keluarga mereka. Natiyahnya, mereka akan tercicir daripada mendapat bimbingan untuk menjalani hidup sebagai orang Islam yang sempurna. Menyedari hal ini, Baitul Ilmi membuka ruang memberi bimbingan agama kepada saudara kita dengan menganjurkan kelas fardhu ain setiap minggu sekali. Ustaz yang mengajar secara sukarela menyokong usaha memberi bimbingan ini dengan mengupas isi daripada buku “Indahnya hidup bersyariat” yang diberikan oleh pihak UKSK kepada setiap saudara kita usai sahaja proses syahadah mereka dilakukan.

Selain itu, kelas Iqra turut diadakan pada setiap hujung minggu bagi memberi ruang kepada saudara kita untuk hadir. Oleh sebab majoriti saudara kita yang berkunjung ke Baitul Ilmi terdiri daripada golongan wanita, maka sebagai isteri dan ibu, mereka mempunyai tanggungjawab keluarga yang perlu diselesaikan pada hari-hari berkerja atau bersekolah. Bantuan sukarelawan dari IPTA berdekatan turut melancarkan proses bimbingan ini dan membolehkan pendekatan *one-to-one* atau dalam kumpulan yang kecil yang lebih berkesan seperti dimaklumkan oleh responden-responden berikut:

“Kamek tok nang banyak sik tauk pasal Islam. Ya kamek suka masuk kelas BI. Ustaz banyak nulong kamek faham Islam bah”. (Responden 11)

Terjemahan: “*Saya sememangnya tidak banyak mengetahui tentang Islam. Sebab itu saya suka menyertai kelas BI. Ustaz banyak membantu saya untuk lebih memahami Islam*”. (Responden 11)

“Ada juak kawan Islam kamek ngajar tek, tapi kamek selalu juak ngekot kelas Baitul Ilmi. Belajar sama kawan masuk Islam juak”. (Responden 9)

Terjemahan: “*Rakan-rakan Islam turut mengajar serba sedikit mengenai agama kepada saya. Namun, saya sendiri menyertai kelas di Baitul Ilmi. Belajar bersama-sama rakan yang memeluk Islam juga*”. (Responden 9)

Berpaksi kepada konsep tiada paksaan ke atas saudara kita untuk mengikuti kelas fardhu ain atau kelas Iqra, Baitul Ilmi menyakini bahawa usaha bimbingan agama dengan kaedah sebegini akan melembutkan hati dan memudahkan saudara kita menghayati ajaran Islam. Pendekatan *one-to-one* dan kumpulan kecil membuktikan Baitul Ilmi memahami bahawa setiap saudara kita mempunyai tahap penerimaan ilmu yang berbeza. Hal ini dinyatakan oleh responden seperti berikut:

“Lain orang lain cara belajar...cara faham. Ada juak yang bertanya ustaz mun sik paham. Bagus juak ada ustaz”. (Responden 10)

Terjemahan: “*Cara belajar dan memahami adalah berlainan antara satu sama lain. Jika tidak faham, mereka bertanyakan kepada ustaz. Bagus jika ada ustaz*”. (Responden 10)

“Kamek lebih selesa mun *join class one-to-one*. Kamek senang mok banyak soalan mun kamek sik faham”. (Responden 9)

Terjemahan: “*Saya lebih selesa menyertai kelas bersemuka. Mudah untuk saya bertanyakan soalan jika saya tidak faham*”. (Responden 9)

### **Penganjuran aktiviti sosial dan riadah**

Bagi seorang saudara kita, adakala terbit perasaan rasa terasing dan rendah diri apabila berhadapan dengan masyarakat, termasuk hubungan mereka dengan masyarakat Islam mahupun bukan Islam. Ini berlaku apabila mereka merasakan diri kekurangan ilmu untuk mempraktikkan Islam seperti cara solat, membaca Al-quran, menutup aurat, dan sebagainya. Ini adalah sebab utama Baitul Ilmi mempraktikkan konsep keterbukaan dan tiada paksaan dalam sebarang aktiviti yang dijalankan supaya cara halus sebegini boleh menarik minat saudara kita secara perlahan-lahan untuk mengikut kelas dan aktiviti. Responden mengatakan mereka gembira ke Baitul Ilmi kerana boleh berjumpa, berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan dengan saudara kita lain yang mempunyai identiti yang serupa. Antara persamaan yang mereka kongsi adalah dari segi etnisiti, bahasa, budaya, dan pengalaman yang sama. Di samping itu, saudara kita yang baru memeluk Islam mempunyai peluang untuk belajar dengan mendengar pengalaman serta nasihat daripada saudara kita yang sudah lama menjalankan kehidupan sebagai seorang Islam. Ini sekali gus menjadikan saudara kita lebih berminat dan bermotivasi untuk ke Baitul Ilmi. Ini disokong oleh temu bual bersama peserta 6 dan 15 yang menyatakan:

“Mun Baitul Ilmi sikda aktiviti nang susah kamek becaghik tempat nak belajar dan bertanya. Kamek nang syukur ada Baitul Ilmi untuk bantu orang macam kamek”. (Responden 6)

Terjemahan: “*Jika Baitul Ilmi tidak mengadakan aktiviti, pasti sukar untuk saya mencari tempat belajar atau bertanya hal agama. Saya memang sangat bersyukur dengan adanya Baitul Ilmi yang membantu golongan seperti saya*”. (Responden 6)

“Aktiviti Baitul Ilmi nang bagus untuk kamek urang sodara baru. Tok lah peluang kamek urang kenal sidak sodara baru lain, belajar sama-sama dengan sidaknya lebih *enjoy*”. (Responden 15)

Terjemahan: “*Aktiviti Baitul Ilmi sememangnya bagus untuk golongan saudara kita. Ini peluang kami mengenali sesama saudara kita. Belajar bersama-sama menjadi lebih menarik*”. (Responden 15)

Selain hubungan semasa Islam, saudara kita juga berhadapan dengan cabaran besar dalam mengekalkan hubungan mereka dengan masyarakat bukan Islam. Ini berikutan stigma bahawa memeluk Islam dianggap sebagai “masuk” Melayu yang masih menebal dalam kalangan masyarakat. Bagi masyarakat Iban dan Bidayuh, tanggapan

umum apabila seorang anak memeluk Islam, maka mereka akan menyisihkan keluarga, termasuk tidak akan menghadiri acara pengkebumian ibu bapa yang bukan Islam. Walaupun persepsi sebegini masih popular, golongan saudara kita telah cuba memperbetulnya secara perlahan-lahan. Terdapat beberapa responden yang masih tinggal bersama-sama keluarga masing-masing walaupun berlainan agama, dan berjaya meyakinkan ibu bapa dan masyarakat sekeliling bahawa persepsi tersebut adalah tidak benar.

Cabaran disisihkan keluarga adalah sangat hebat bagi saudara kita kerana secara tiba-tiba mereka kehilangan orang-orang yang disayangi dan orang-orang yang mereka kenali dengan rapat. Bertambah meruncing apabila masyarakat sekeliling juga memandang mereka secara negatif sehingga menyebabkan terdapat saudara kita yang mengasingkan diri kerana berasa malu, "berlainan" dan rendah diri. Baitul Ilmi berusaha melibatkan mereka dalam semua aktiviti untuk mengatasi rasa keterasingan ini. Aktiviti-aktiviti tersebut tidak terhad kepada keagamaan, tetapi juga acara sosial dan riadah seperti mendaki gunung, berkelah, aktiviti fizikal kemasyarakatan lain seperti mengagihkan sumbangan dana kebajikan dan aktiviti sembelihan korban. Selain mendedahkan saudara kita terutama yang mempunyai anak-anak remaja untuk menyantuni masyarakat, kebersamaan dalam aktiviti-aktiviti fizikal tersebut mampu mengurangkan rasa keasingan dalam diri mereka. Sokongan fizikal seumpama ini berupaya meningkatkan semangat saudara kita sekali gus lebih yakin dan beradab apabila berhadapan dengan masyarakat sekeliling. Menerusi pengajuran aktiviti fizikal, Baitul Ilmi menerapkan nilai-nilai ajaran Islam yang juga selari dengan nilai sejagat seperti kerjasama, sabar, saling membantu, saling menghormati, dan sayang-menyayangi sesama mereka. Ini terbukti melalui maklum balas Responden 7 dan 13 berikut:

“Salah satu cabaran terbesar kamek ialah penerimaan keluarga. Masa awal kamek masuk Islam, memang susah sidak nak terimak. Memang mencabar untuk kamek. Tapi, Baitul Ilmi ada tempat kamek ngadu dan dapat bantuan”.  
(Responden 7)

Terjemahan: “*Salah satu cabaran terbesar ialah penerimaan keluarga. Pada awal keislaman saya, mereka susah untuk menerima. Sememangnya amat mencabar untuk diri saya. Baitul Ilmi tempat saya mengadu dan mendapatkan bantuan*”. (Responden 7)

“Kamek suka join aktiviti anjuran Baitul Ilmi. Kamek dapat kenal sidak macam kamek dan bertukar-tukar idea macamney mok settle masalah. Kamek nang syukur ada Baitul Ilmi”. (Responden 13)

Terjemahan: “*Saya suka menyertai aktiviti anjuran Baitul Ilmi. Saya berpeluang berkenalan dengan rakan-rakan dan bertukar-tukar idea penyelesaian apabila menghadapi masalah. Saya bersyukur dengan adanya Baitul Ilmi*”. (Responden 13)

### **Bantuan kewangan dan kebajikan**

Sebagai kumpulan sokongan, Baitul Ilmi bertindak menjadi orang tengah menyalurkan bantuan kewangan kepada saudara kita yang menghadapi masalah kewangan. Walaupun bantuan yang dihulurkan mungkin hanya dalam jumlah yang kecil, namun bantuan tersebut dapat meringankan bebanan yang ditanggung. Sumber bantuan kewangan tersebut adalah daripada sumbangan peribadi individu-individu yang mengenali pengasas Baitul Ilmi dan mereka menyerahkan tugas dan kepercayaan mengagihkan sumbangan kepada saudara kita sepenuhnya kepada Baitul Ilmi. Menurut pengurus Baitul Ilmi, bantuan kewangan yang diterima tidak pernah putus kerana ramai individu yang mampu dan ingin bersedekah dan membantu, tetapi tidak mempunyai masa dan keupayaan untuk melakukannya sendiri. Selain itu, bantuan akan bertambah pada bulan Ramadhan dan Aidil Fitri kerana ramai individu yang ingin memberi sumbangan sempena mengambil keberkatan bulan-bulan yang mulia ini, sekali gus meningkatkan sumber kewangan untuk agihan. Perkara ini dijelaskan oleh Responden 6 dan 8 seperti berikut:

“Banyak urang maok derma *especially time* posa dan raya”. (Responden 6)

Terjemahan: “*Ramai yang sudi menderma terutama di bulan puasa dan hari raya*”. (Responden 6)

“Kamek nangga musim posa nang sidak di Baitul Ilmi gago bebeli barang pakei sedekah. Ada juak kamek ekot sidak berik agihan”. (Responden 8)

Terjemahan: “*Saya perhatikan Baitul Ilmi sentiasa sibuk di bulan puasa dengan membeli barangan untuk disedekahkan. Saya pernah mengikuti mereka mengagihkan barang sedekah*”. (Responden 8)

Baitul Ilmi turut mengagihkan sumbangan bekalan makanan asas seperti beras, tepung, gula, minyak dan barangan keperluan seperti sabun, syampu, lampin bayi, pencuci pinggan, dan sebagainya kepada saudara kita yang memerlukan. Sumber barangan ini adalah daripada sumbangan pihak individu yang meyakini Baitul Ilmi sebagai ejen agihan. Pengurus Baitul Ilmi menyatakan bahawa Baitul Ilmi lebih suka menerima sumbangan dalam bentuk barangan memandangkan mudah diuruskan kerana Baitul Ilmi hanya perlu mengenal pasti penerimanya sahaja. Sementara itu, sumbangan dalam bentuk wang ringgit memerlukan Baitul Ilmi mengenal pasti jenis-jenis barangan yang sesuai dan menguruskan pembeliannya. Pegawai sukarela Baitul Ilmi 2 yang ditemu bual menyatakan bahawa:



“...ada juaklah sidak urang luar sik merik duit tapi merik dak barang-barang lain macam barang-barang dapur”. (Puan Nor Basirah Suhaimi)

Terjemahan: “..terdapat pihak luar yang tidak memberi duit tetapi mereka memberi barangan dapur”. (Puan Nor Basirah Suhaimi)

Baitul Ilmi berpegang dengan konsep bahawa setiap sumbangan kewangan yang diserahkan kepada saudara kita adalah untuk menggalakkan agar mereka lebih taat dan komited kepada agama Islam. Walau bagaimanapun, bantuan yang diterima saudara kita adalah secara berkala dan bersifat sementara. Baitul Ilmi mahu mendidik saudara kita agar berdikari dan berusaha untuk keluar daripada senarai penerima bantuan, dan menjadi sebahagian daripada penyumbang satu hari nanti. Tidak semua saudara kita terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan berlatarbelakangkan keluarga yang susah. Ini selari dengan program bantuan Baitul Ilmi yang bukan hanya menyasarkan golongan saudara kita tetapi juga menghulurkan sedekah dan sumbangan barangan kepada masyarakat sekeliling yang memerlukan, termasuk keluarga yang bukan beragama Islam. Ini bertujuan mendidik saudara kita tentang nilai kasih sayang sejagat dan saling membantu sesama manusia yang melangkaui batasan bangsa dan agama. Pengasas Baitul Ilmi menyatakan:

“Kalau boleh tak nak mereka ni bergantung sangat dengan kami (Baitul Ilmi). Baitul Ilmi galakkan mereka untuk berusaha berdikari, dan mereka sendiri pun boleh beri sumbangan kepada masyarakat sekeliling”. (Puan Adilah Ismail)

### **Pemeriksaan jati diri**

Antara cabaran yang dihadapi oleh saudara kita ialah persepsi negatif daripada masyarakat sekeliling terhadap perubahan dalam status agama mereka. Kesan psikologi timbul apabila saudara kita merasakan mereka hilang keyakinan diri untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang Islam. Ini bertambah serius apabila saudara kita berhadapan dengan masalah kewangan atau masalah rumahtangga. Selain itu, golongan lain yang mendapat kesan secara langsung ialah anak-anak saudara kita. Tekanan masyarakat dan masalah keluarga boleh meninggalkan gangguan emosi kepada anak-anak sehingga membawa kepada masalah keciciran persekolahan atau keterlibatan dengan gejala sosial yang tidak sihat. Responden 6 menyatakan:

“Dolok nang anak kamek sik ke sekolah. Macam- macam masalah masa ya. Syukur, ada sidak Baitul Ilmi nulong. Kinek udah sekolah anak mek tek”.  
(Responden 6)

Terjemahan: *“Masa dahulu sememangnya anak –anak saya tidak bersekolah. Pelbagai hal berlaku pada masa itu. Syukur, Baitul Ilmi tampil membantu. Sekarang anak-anak saya semuanya bersekolah”.* (Responden 6)

Baitul Ilmi mengambil pendekatan memberi sokongan pemerksaan jati diri dengan menggalakkan saudara kita, terutamanya golongan wanita, untuk berusaha menambah pendapatan keluarga agar mereka boleh mencapai sifar kebergantungan ekonomi. Ini bertujuan membebaskan mereka daripada belenggu kewangan yang menjadi satu punca tekanan, lebih-lebih lagi dalam kes saudara kita yang berstatus ibu tunggal, atau mereka yang tidak mendapat sokongan keluarga. Antaranya, Baitul Ilmi akan membantu memasarkan produk yang dihasilkan oleh saudara kita dengan membuat hebahan media sosial. Usaha ini sedikit sebanyak membantu meningkatkan penghargaan diri dalam kalangan saudara kita kesan keseronokan yang mereka rasai apabila melihat produk buatan mereka berjaya dipasarkan dan mendatangkan pendapatan kepada mereka. Perasaan ini membantu melegakan kebimbangan tentang masalah kewangan keluarga dan memberi keyakinan kepada mereka untuk lebih kreatif dan proaktif dalam kehidupan, seperti yang dinyatakan oleh Responden 14 berikut:

“Lepas Baitul Ilmi madah dalam facebook, alu rami sidak mok order tikar kamek. Alhamdulillah. Rezeki bertambah bah”. (Responden 14)

Terjemahan: *“Selepas Baitul Ilmi mengwar-warkan di dalam Facebook, ramai yang membuat tempahan tikar yang saya hasilkan. Alhamdulillah. Bertambah rezeki”.* (Responden 14)

Bagi anak-anak saudara kita yang berhadapan dengan masalah penerimaan rakan sebaya di sekolah mahupun masalah kewangan keluarga yang memaksa mereka nekad berhenti sekolah, Baitul Ilmi berusaha untuk memastikan anak-anak yang keciciran dapat menyambung semula persekolahan mereka. Tanpa pendidikan, mereka akan kekal dalam kitaran sosial yang sama dan terus berhadapan dengan masalah kehidupan. Pendidikan akan memberi berpeluang kepada mereka untuk mengubah kehidupan kepada yang lebih baik, dan dipercayai akan meningkatkan harga diri mereka dan peluang untuk hidup dalam persekitaran yang selesa sebagai seorang Islam yang baik. Baitul Ilmi lazimnya akan berhubung dengan Jabatan pendidikan Negeri (JPN) apabila merujuk hal-hal berkaitan pendidikan anak-anak

saudara kita yang terkesan akibat krisis keluarga. Hubungan yang baik antara pengurusan Baitul Ilmi dan pihak JPN serta sekolah mampu membantu proses pendaftaran persekolahan anak-anak saudara kita berjalan dengan baik. Isu ini dijelaskan oleh Responden 1 seperti berikut:

"Kesian anak-anak saudara kita yg jadi mangsa masalah. Ada yang tercicir sekolah sebab masalah keluarga. Kalau tak dibantu, macam lah tu mereka. Sebab tu, saya pernah uruskan persekolahan anak-anak ni. Bawak mereka ke sekolah, jumpa guru besar, bawak ke JPN.....yang penting mereka dapat bersekolah". (Puan Adilah Ismail)

### **Pemantapan emosi**

Terdapat saudara kita yang menghadapi cabaran akibat perkahwinan yang bermasalah. Ini berlaku apabila mereka memeluk Islam atas dasar cinta untuk perkahwinan semata-mata dan melalui kehidupan sebagai seorang Islam tanpa bimbingan daripada pasangan. Keadaan menjadi lebih parah jika tiada sokongan daripada keluarga sendiri mahupun keluarga pasangan. Terdapat juga saudara kita yang walaupun tidak berhadapan dengan masalah rumahtangga, berasa kekosongan akibat kurangnya bimbingan daripada pasangan tentang ajaran Islam. Dalam kes sebegini, Baitul Ilmi mendekati saudara kita dan menyantuni mereka melalui pendekatan emosi yang disampaikan dalam bentuk ihsan dan empati memberi kata-kata semangat dan nasihat, menunjukkan kasih sayang, dan memahami situasi yang mereka hadapi dengan mendengar keluhan mereka. Responden 5 dan 10 berkongsi maklumat berikut:

"Bila dapat, Aunty suka pergi ke Baitul Ilmi ... sebab Aunty boleh jumpa kawan. Mereka ni sama macam Aunty. Kami berborak hal kehidupan. Rasa seronok dapat berkongsi perasaan. Dapat jugak *release*." (Responden 5)

"Cabaran kamek bertimpak-timpak. Mula bila mok masok Islam. Lepas ya rumahtanggak kamek sik happy. Nang kamek down, sik tauk siney tuju. Bila tauk Baitul Ilmi, kawan mek ajak ke sia. Mintak tulong apa indah. Alhamdulillah, sidak nulong. Kuranglah beban kamek tok. Terimak kasih Baitul Ilmi". (Responden 10)

Terjemahan: "*Cabaran yang saya hadapi bertimpa –timpa. Sejak awal memeluk Islam. Selepas itu masalah rumahtangga pula. Saya benar-benar tertekan. Tiada arah pada masa itu. Selepas mengetahui kewujudan Baitul Ilmi, kawan mengajak saya ke sana. Memohon bantuan apa yang perlu.*

*Alhamdulillah, mereka menolong. Maka kuranglah bebanan yang saya tanggung. Terima kasih Baitul Ilmi". (Responden 10)*

Melalui aplikasi WhatsApp, saudara kita berpeluang berkongsi emosi sesama mereka untuk mendapatkan semangat dan sokongan apabila mereka meluahkan perasaan. Perkongsian kata-kata yang berunsur nasihat positif memberi kesan emosi yang mendalam kepada saudara kita. Sokongan emosi yang diterima membantu mereka untuk tabah dan kuat meneruskan kehidupan dengan rasa kesyukuran dan gembira.

## **PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan Baitul Ilmi memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan golongan saudara kita sentiasa dibantu dan diberi sokongan sampingan. Kewujudan Baitul Ilmi itu sendiri mencerminkan keperluan adanya pihak bukan kerajaan memainkan peranan yang penting dalam membantu saudara kita. Baitul Ilmi mendekati badan kerajaan seperti UKSK, JAIS, JPN dan agensi lain bagi memastikan setiap isu yang berkaitan dengan saudara kita ditangani secara betul dan mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Pandangan ini selari dengan Siti Adibah Abu Bakar dan Siti Zubaidah Ismail (2018) yang menegaskan bahawa kedua-dua badan kerajaan dan bukan kerajaan sama-sama mempunyai peranan tersendiri dalam mengurus tadbir perihal muafak di Malaysia. Justeru, kerjasama erat Baitul Ilmi dengan pihak yang bertanggungjawab banyak memudahkan urusan kedua-dua pihak, terutama golongan saudara kita.

Peranan Baitul Ilmi yang bekerjasama dengan agensi kerajaan juga membantu memenuhi keperluan saudara kita. Keperluan saudara kita setelah mereka memeluk Islam termasuklah pendaftaran identiti baharu (kad atau sijil pemeluk Islam yang sah, kad pengenalan baharu jika bertukar nama), pendidikan dan bimbingan agama, kewangan dan kebajikan, dakwah dan kaunseling serta perundangan (Siti Adibah Abu Bakar dan Siti Zubaidah Ismail 2018).

Dapat dirumuskan bahawa peranan yang dimainkan oleh Baitul Ilmi sebagai komplimen kepada agensi kerajaan. Gandingan kedua-dua pihak dalam memainkan peranan masing-masing memberi impak kehidupan sejahtera kepada saudara kita.

Tidak dinafikan bahawa peranan Baitul Ilmi sebagai wadah dakwah dan ejen ukhuwah telah membantu saudara kita mempelajari dan memahami perkara-perkara asas dalam Islam. Peranan Baitul Ilmi yang sentiasa dekat dengan saudara kita membuka mata masyarakat bahawa Islam sebuah agama yang menyayangi antara satu sama lain tanpa mengira bangsa dan latar belakang keluarga. Ini bertepatan dengan ajaran agama Islam yang sentiasa menuntut umatnya untuk saling menghormati dan mengasihi. Selari dengan saranan Najihah (2017), tujuan kebanyakan agensi bukan kerajaan lain yang berganding bagi membantu golongan muallaf ialah menyebarkan risalah Islam menerusi pelbagai aktiviti dakwah ke arah pembentukan muslim yang berakhlak mulia, bernilai murni dan mampu melaksanakan tugas ‘amar makruf nahi mungkar’ yakni mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Baitul Ilmi memainkan peranan penyebaran dakwah secara tidak langsung kepada masyarakat.

Pendekatan bergerak secara aktif yang diamalkan oleh Baitul Ilmi menggalakkan masyarakat sekeliling untuk sama-sama menghulurkan bantuan tanpa mengira apa-apa jua bentuk sumbangan yang diberikan. Sumbangan wang ringgit, tenaga dan masa menjadi penggerak aktiviti yang dijalankan oleh Baitul Ilmi. Segala sumbangan yang diberikan adalah tanda kasih sayang antara satu sama lain.

Walaupun berdakwah secara santai, Baitul Ilmi memainkan peranan penting sebagai komunikator, kaunselor, penyelesaian masalah dan pengurus kepada saudara kita (Burhanuddin et al. 2018) demi memastikan saudara kita hidup sejahtera dan tidak kembali kepada agama asal. Bahkan dakwah santai yang disampaikan membuatkan saudara kita tetap teguh beriman kepada Allah.

Selain melaksanakan islah dan dakwah kepada saudara kita, Baitul Ilmi juga menghulurkan bantuan sokongan kepada saudara kita berpaksikan kepada prinsip tiada paksaan. Aimi Wafa Ahmad dan Nur Najwa Abdul Rahman (2020) menyatakan bahawa sokongan sosial memainkan peranan penting dan banyak memberi manfaat kepada muallaf dalam membina kehidupan baharu sebagai seorang muslim. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelbagai sokongan sosial yang dihulurkan bersifat serampang dua mata kerana kedua-dua pihak saudara kita dan Baitul Ilmi sendiri menerima manfaat daripada sumbangan tersebut. Segala bantuan kebajikan diberi sebagai satu usaha sokongan sosial bagi melembutkan hati saudara kita untuk terus menjalani kehidupan sebagai seorang muslim (Mariam Abdul Majid 2011).

Baitul Ilmi berpegang kepada matlamat untuk menyelamatkan saudara kita daripada kembali kepada agama asal. Keampuhan iman dalam kalangan saudara kita, ditambah dengan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh mereka mampu mengubah hati mereka untuk meninggalkan Islam. Baitul Ilmi berpendapat bahawa kegagalan untuk memberi sokongan kepada saudara kita boleh mengakibatkan ketirisan dakwah. Natiujahnya, golongan saudara kita rasa terabai, ingin murtad atau meninggalkan amali Islam seluruhnya (James Laeng dan Yusman Nawazir 2014). Dalam masa yang sama sokongan tersebut adalah sebagai dorongan mendidik mereka menjadi muslim yang taat kepada Allah dan sentiasa membuat kebaikan untuk diri sendiri dan masyarakat sekeliling. Dengan sokongan yang diterima sama ada dari Baitul Ilmi atau agensi kerajaan, saudara kita mampu menjinakkan diri untuk memahami kepentingan akidah dan mengamalkan ajaran Islam.

### **Bimbingan Agama**

Paling utama, Baitul Ilmi menghulurkan sokongan bimbingan agama kepada saudara kita di Kota Samarahan kerana tanpa bimbingan agama, dikhuatiri mereka akan kembali ke agama asal. Justeru, walaupun pihak bertanggungjawab seperti JAIS, UKSK dan beberapa organisasi lain menganjurkan kelas bimbingan kepada saudara kita, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh saudara kita seperti faktor jarak antara kediaman saudara kita dan pusat bimbingan. Selain itu, kaedah dakwah yang sempit turut membantutkan hasrat saudara kita untuk terus mengikuti kelas bimbingan. Menurut Burhanuddin et al. (2018), terdapat pendakwah yang terus melakukan pengulangan bahan dakwah, bersikap kaku, fanatik terhadap sesuatu hukum tanpa menganalisis keadaan dan keperluan atau kehendak khalayak. Sebaliknya, pendekatan dakwah Baitul Ilmi yang bersifat santai dan tiada paksaan apabila menganjurkan kelas fardhu ain dan Iqraq dilihat menarik perhatian saudara kita untuk mengikutinya. Kaedah mendampingi saudara kita melalui pelbagai aktiviti berbentuk santai membayangkan bahawa Baitul Ilmi prihatin terhadap susah senang saudara kita, pengorbanan terhadap agama serta pengalaman kehidupan mereka.

### **Penganjuran Aktiviti Sosial dan Riadah**

Selepas memeluk Islam, saudara kita, sama seperti mualaf lain, turut berhadapan dengan isu identiti diri. Saudara kita berbangsa Iban dan Bidayuh berada dalam situasi yang memerlukan mereka mengadaptasi diri sebagai seorang Islam, mengekalkan identiti etnik mereka dan pada masa yang sama, berusaha membina

identiti baharu sebagai seorang muslim. Cabaran membina identiti baharu sebagai muslim termasuklah proses penyesuaian diri memeluk Islam seperti penyesuaian pakaian, makanan, ibadah serta apa-apa yang ditegah dalam ajaran Islam (Awang Azarudin, et al. 2017). Penting bagi saudara kita untuk mengekalkan identiti etnik sebagai Iban dan Bidayuh kerana mereka dilahirkan dan dibesarkan dalam kalangan etnik tersebut. Saudara kita juga ingin merasai bahawa dengan identiti baharu sebagai Muslim, mereka diterima oleh masyarakat sekeliling. Justeru, penganjuran aktiviti sosial dan riadah oleh Baitul Ilmi menjadi satu platform bagi saudara kita untuk berasa selesa dan diterima oleh masyarakat Islam. Perasaan tergolong dan menjadi sebahagian daripada komuniti Islam memberi satu kekuatan kepada saudara kita bahawa mereka tidak keseorangan dalam menghadapi cabaran kehidupan sebagai muslim (Aimi Wafa Ahmad et al. 2022). Bahkan perasaan diterima mampu memberi ketenangan dan kesejahteraan hidup kepada saudara kita.

### **Bantuan Kewangan dan Kebajikan**

Antara cabaran yang hadapi oleh saudara kita ialah masalah kewangan. Kamarulzaman Kawi dan NurA'thiroh (2020) menyatakan bahawa terdapat tiga (3) sudut cabaran ekonomi yang dihadapi oleh saudara kita dan beberapa faktor yang menyumbang kepada cabaran ini. Ini termasuk kehilangan pekerjaan dan kehilangan hak menuntut harta pusaka (Khadijah et al. 2017). Kestabilan ekonomi terutama dalam kalangan saudara kita yang telah berkorban meninggalkan agama asal dan memeluk Islam adalah sangat penting. Walaupun pelbagai institusi seperti Pusat Zakat Negeri menyediakan bantuan asas seperti bantuan kewangan, sara hidup dan perubatan, terdapat saudara kita yang menghadapi masalah mengakses bantuan tersebut. Pendekatan Baitul Ilmi mendekati saudara kita dan menghulurkan bantuan kewangan dan kebajikan telah meringankan serba sedikit beban kehidupan mereka. Namun begitu, sokongan yang dihulurkan Baitul Ilmi lebih bersifat sementara kerana Baitul Ilmi mahu mendidik agar saudara kita berusaha dan berdikari. Walaupun sumbangan yang dihulurkan oleh Baitul Ilmi tidak seberapa, namun cukup untuk menjadi pemangkin kepada saudara kita agar bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh. Mariam Abdul Majid (2011) menyatakan bahawa bantuan kebajikan yang diberikan kepada saudara kita merupakan satu usaha sokongan yang melembutkan hati mereka untuk terus menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim.

### **Pemeriksaan Jati Diri**

Saudara kita turut mengalami cabaran berpunca daripada sikap negatif masyarakat terhadap mereka, maka mereka perlukan sokongan yang dapat meningkatkan penghargaan sendiri. Hal ini sedemikian kerana penghargaan sendiri ialah salah satu faktor yang menyumbang kepada kesejahteraan psikologi golongan saudara kita (Nazri Yasin et al. 2018). Sokongan Baitul Ilmi melalui aktiviti keilmuan, keagamaan, sosial mahupun riadah bertujuan untuk memperkasakan jati diri saudara kita. Dengan sokongan ini saudara kita mampu untuk menghargai diri sendiri, seterusnya menghargai persekitaran mereka. Menurut Nurul Hudani et al. (2017) keperluan sokongan sosial membolehkan individu mencapai matlamat, memenuhi keperluan dan mencapai kesejahteraan. Sokongan daripada Baitul Ilmi bukan terhenti kepada saudara kita sahaja, bahkan turut melibatkan ahli keluarga saudara kita, terutama anak-anak yang di bawah tanggungan. Pemeriksaan jati diri ditekankan kepada saudara kita agar mereka sentiasa berusaha untuk berubah menjadi lebih baik. Bagi anak-anak yang keciciran persekolahan, Baitul Ilmi membantu mereka agar mereka dapat kembali ke sekolah seterusnya menimba ilmu untuk memperkasakan jati diri dan bersedia menghadapi cabaran kehidupan dengan berilmu. Menurut Neff (2011), pemeriksaan jati diri mampu menghasilkan penghargaan sendiri yang tinggi agar saudara kita akan mampu membuang perasaan negatif seperti ego, emosional, dan kurang daya tahan.

### **Pemantapan Emosi**

Satu ciri kebahagiaan saudara kita menjalani kehidupan sebagai Muslim ialah mempunyai kestabilan emosi yang berkekalan. Nur Ain Sumaiyah Abdullah dan Noor Aishah Rosli (2018) menegaskan bahawa individu yang mempunyai emosi yang stabil dan baik mampu untuk mendekatkan diri dengan Allah demi mendapatkan ketenangan dan menjalani kehidupan yang sejahtera. Namun begitu, mendapatkan kestabilan emosi yang berterusan bukan sesuatu yang mudah kerana saudara kita berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran dalam kehidupan. Jika ketidaksatbilan emosi tidak diberi perhatian, saudara kita terdedah kepada tekanan perasaan yang boleh menjejaskan kesihatan mental mereka. Maka, sokongan pemantapan emosi yang dihulurkan oleh Baitul Ilmi amat bertepatan dengan keperluan saudara kita. Perhatian Baitul Ilmi kepada saudara kita memberi kesan yang positif kepada emosi mereka walaupun mungkin sekadar perkongsian kata-kata nasihat berunsur positif dan kata-kata semangat yang menyentuh hati melalui aplikasi Whatsapp. Semua ini merupakan satu bentuk sokongan pemantapan emosi



yang membawa kegembiraan kepada saudara kita, terutama mereka yang sedang dilanda masalah. Sokongan pemantapan emosi ini menguatkan kepercayaan saudara kita bahawa Baitul Ilmi dan masyarakat sekeliling tidak meminggirkan mereka. Dalam erti kata lain, perhatian dan sokongan yang diberikan dapat memberi suntikan positif terhadap emosi dan rohani muallaf (Razaleigh Muhamat et al. 2012).

### **Cadangan Kajian**

Terdapat beberapa cadangan untuk kajian akan datang berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh kumpulan sokongan seperti Baitul Ilmi, selain Baitul Ihtimam, yang membantu saudara kita khususnya di sekitar Kota Samarahan.

Kajian ini mengkaji saudara kita yang berbangsa Iban dan Bidayuh dan menerangkan keistimewaan kaum Dayak di Sarawak. Namun kajian ke atas kumpulan sokongan lain di lokasi berbeza harus dipertimbangkan kerana akan menghasilkan dapatan yang berbeza sekali gus menawarkan kelainan perspektif dalam memahami fenomena dan isu-isu berkaitan saudara kita.

Cadangan melihat kepentingan menjalankan kajian yang sama ke atas kumpulan sokongan yang lain harus dipertimbangkan kerana asas kajian ini melihat kepada peranan dan sokongan sosial Baitul Ilmi. Justeru, kajian ke atas objektif yang sama mampu memberi gambaran keberjayaan sesuatu kumpulan sokongan yang lain.

Seterusnya, PKP semasa pandemik COVID-19 telah mengekang teknik pengumpulan data daripada bersemuka sepenuhnya kepada separa dalam talian. Sedikit sebanyak data kajian terkesan kerana kurangnya sentuhan peribadi jika temu bual dijalankan secara bersemuka sepenuhnya. Oleh itu, replika kajian yang serupa di lokasi yang berbeza dan ke atas etnik saudara kita yang berbeza akan memberikan gambaran yang berbeza.

### **KESIMPULAN**

Hasil kajian mendapati bahawa peranan yang dimainkan oleh pihak Baitul Ilmi sebagai sebuah kumpulan sokongan yang bebas memberi impak yang signifikan bukan sahaja kepada golongan saudara kita, bahkan masyarakat sekeliling. Di samping itu, sokongan sosial yang dihulurkan oleh Baitul Ilmi ternyata membantu memudahkan kehidupan saudara kita, selain menambat hati mereka untuk terus

berpegang teguh kepada ajaran agama Islam dan sentiasa menjaga ukhwh antara satu sama lain. Oleh yang demikian, diharapkan agar JAIS, terutama UKSK dan organisasi lain seperti Persatuan Dayak Muslim Kebangsaan (PDMK) dapat memantap serta mengukuhkan lagi pendekatan dan strategi yang dilaksanakan dalam memberi sokongan kepada golongan saudara kita terutama berbangsa Iban dan Bidayuh. Hal ini dikatakan sedemikian kerana mereka memiliki adat resam dan tradisi yang agak berbeza antara satu sama lain. Seterusnya, cadangan untuk meluaskan skop kajian kepada kumpulan sokongan yang lain di luar Sarawak dan mualaf dari kumpulan etnik yang lain dilihat mampu memberi rumusan yang berlainan bagi menambah kefahaman mengenai golongan mualaf.

## **PENGHARGAAN**

Penghargaan ditujukan kepada UNIMAS yang membiayai kajian ini menerusi geran Yayasan Dayak F06/DRC/1967/2020. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada pengasas dan pengurus Baitul Ilmi dan saudara kita atas kesudian mereka menjadi responden dalam kajian ini.

## **RUJUKAN**

- Aimi Wafa Ahmad & Nur Najwa Hanani Abd Rahman. 2020. Sokongan sosial: satu keperluan dalam pemerikasaan saudara baru. *Jurnal Pengajian Islam* 13(2): 238-253.
- Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiyy*. (1989). Larousse: Al-Munazzhamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyahwa al-Thaqafah wa al-'Ulum.
- Awang Azarudin, Che Zuina Ismail & Wahairi Mahmud. 2017. Isu-isu pemakanan halal: kajian kes dalam hubungan komuniti saudara baru dan bukan muslim di negeri Terengganu. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 11(10): 139–153.
- Azman Abdul Rahman, Muh.Irwan, Mahazan Abdul Mutalib, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Nuradli Ridzwan Shah, Rose Irnawaty Ibrahim & Norlina Ismail. 2015. Persepsi mualaf terhadap pengisian pengislaman dan program pembangunan mualaf: Kajian di Negeri Sembilan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 6: 144.

- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail & Sayuti Ab Ghani. 2018. Pendekatan dakwah untuk cabaran masa depan: Satu sorotan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 4(1): 23-33.
- Cohen, S., Gottlieb, B., & Underwood, L. 2000. Social relationships and health. In S. Cohen, L. Underwood, & B. Gottlieb (Eds.), *Social support measurement and intervention* (pp. 3-28). New York: Oxford University Press.
- Costello, J., Pickens, L. M., & Fenton, J. 2001. *Social support: a matter of connections*. Chicago, IL: Chapin Hall Center for Children at the University of Chicago.
- Gurung, R.A.R. 2006. *Health Psychology: A Cultural approach*. Belmont CA: Thomson Wadsworth.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2010). *Garis Panduan Pengurusan Saudara Baru*. Selangor: Shah Alam. Akses pada 22 November 2022.
- James Laeng@Jamaluddin Abdullah & Yusman Nawazir. 2014. Mendepani cabaran tarbiah NGO dan kebajikan mualaf. In Siti Rugayah Hj. Tibek, Fariza Md. Sham & Muhammad Hilmi Jalil (Eds.), *Pembangunan dakwah mualaf*. Instituti Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarulzaman Kawi & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah. 2020. Isu dan cabaran saudara kita di Jabatan Agama Islam Sarawak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 28-43.
- Khadijah Mohd Khambali, Azarudin Awang, Suraya Sintang, Nur Farhana Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli, & Khairul Nizam Mat Karim. 2017. Muhajir penjana interaksi dan toleransi beragama saudara baru-Muslim-non-Muslim. *AKADEMIKA* 87 (2): 63-76.
- Razaleigh Muhamat, Abdul Ghafar Don, & Abu Dardaa Mohamad. 2012. Dakwah kepada Golongan Muallaf Orang Asli di Kelantan. *Al-Hikmah*, 4, 87-105.
- Najihah Abdul Mutalib. 2017. Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam terhadap pelaksanaan aktiviti Islam di Bintulu, Sarawak. *CIVILIZATION* 7(8): 417-423.
- Nazri Yasin, Jamiyah Manap & Arena Che Kassim. 2018. Pengaruh penghargaan sendiri terhadap kesejahteraan psikologi mualaf. *Journal of Social Sciences and Humanities* 13(3) :173-182.
- Neff, K. D. 2011. Self-compassion, self-esteem, and well-being. *Social and personality psychology compass* 5(1): 1-12.
- Nestmeann, F.& Hurrelmann, K. 1994. Child and adolescent research as a challenge and opportunity for social support theory, measurement, and intervention: and vice versa. In F. Nestmann & K. Hurrelmann (Eds.), *Social networks and social support in childhood and adolescence* (pp. 1-22). New York: Walter de Gruyter.

- Noreha Che Abah, Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin. 2019. Isu dan cabaran saudara baharu di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Al-Anwar* 8(2): 1-13.
- Nur Ain Sumaiyah Abdullah @ Sumitra A/P Valaitham & Noor Aishah Rosli. 2018. Kemurungan dalam kalangan muallaf di pusat pengajian PERKIM Wilayah Persekutuan. *MOJPC: Malaysia Online Journal of Psychology & Counselling* 5(1): 52-63.
- Nur Aisyah Abu Hassan, Safinah Ismail, Aemy Elyani Mat Zain, & Siti Zahidah Mual, (2019). Penggunaan Bahasa Mandarin Dalam Dakwah Oleh Gerakan-Gerakan Dakwah: Sumbangan dan Peranannya di Malaysia. *Wardah*, 20(2), 1-11.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Siti Aishah Yahya & Mohd Sufiean Hassan. 2016. Transformasi hubungan kekeluargaan saudara kita dari sudut emosi selepas memeluk Islam di Johor. *Jurnal Ilmi Ilmi Journal* 6: 125-148.
- Nur Najwa Hanani Abdul Rahman, Akmaliza Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, & Aimi Wafa Ahmad. 2020. Hubungan emosi dan akhlak dalam kekeluargaan saudara baru selepas memeluk Islam. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6(3-2): 55-66.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Akmaliza Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Abdul Basit Darawi, & Badlihisam Mohd Nasir, 2022. Analisis keperluan program-program sokongan sosial dalam pemeraksanaan saudara baru (Analysis of the needs of social support programs in the empowerment of muslims convert). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9(2), 29-38.
- Nurul Hudani Md Nawawi, Muhamad Fadhli Ahmat, Syed Mohd Fadhullah Sied Esahak, Zakaria Awang Hamat, & Iezwan Iesnordin, 2017. Hubungan antara sokongan sosial dengan kemurungan dalam kalangan penagih dadah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 20: 29-49.
- Mariam Abdul Majid. 2011. *Muallaf di negeri Selangor Darul Ehsan: kajian tentang kepuasan diri dalam kehidupan Islam*. Tesis Doktor Falsafah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.
- Marlon P. Guleng, Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Abu Dardaa Mohamad. 2014. Penyesuaian diri muallaf terhadap masyarakat dalam kalangan pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (ICIP). *Al-Hikmah Journal of Islamic Dakwah* 6(1): 78-93.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Marlon Pontino Guleng. 2014. Respon muallaf terhadap pendidikan dan latihan Amali yang dilaksanakan oleh Institut Dakwah Islamiah PERKIM, Kota Bahru Kelantan. In Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Roslieza Rosli & Nur A'thiroh Masyaa'il Abdullah @ Tan Ai Pao. 2015. Aplikasi metodologi dakwah Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA). Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah 7(19).
- Roziah Chek & Jaffary Awang. 2017. Penghayatan agama Islam dalam kalangan Bidayuh Muslim Sarawak. *Al-Hikmah*, 9 (1). pp. 60-79.
- Sayyid Buhar Musal Kassim, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Zawiyah Baba. 2013. A survey of problems faced by converts to Islam in Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* 8(1): 1-13.
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pengurusan mualaf di Malaysia: kerjasama dinamik antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan. *AL-'ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 16: 133-155.
- Siti Aishah Yahya, Norhasima Abdullah, Suzyliana Mamat, Atini Alias, & Nor Azilah Johari, (2021). Hubungan penghayatan agama dan sokongan sosial terhadap tekanan dalam kalangan mualaf di melaka. *Jurnal'Ulwan*, 6(1), 22-38.
- Syarul Azman Shahrudin, Hanis Najwa Shahrudin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra, & Akmal Syazana Fauzan. 2019. Cabaran dan permasalahan mualaf dan penyelesaian oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). Akses pada 20 April 2022 di <http://conference.kuis.edu.my/isra/eprosiding/pdf/021-ISRA-2017.pdf>
- Terry, G., Hayfield, N., Clarke, V., & Braun, V. 2017. Thematic analysis. The SAGE handbook of qualitative research in psychology, 2, 17-37.
- Thoits, P. A. 1995. Stress, coping, and social support processes: Where are we? What next? *Journal of Health and Social Behavior* 35: 53-79.
- Thoits, P. A. 2011. Mechanisms linking social ties and support to physical and mental health. *Journal of Health and Social Behavior* 52: 145-161.
- Tindle, R., Hemi, A., & Moustafa, A. A. 2022. Social support, psychological flexibility and coping mediate the association between COVID-19 related stress exposure and psychological distress. *Scientific Reports*, 12(1), 8688.